



Suka tanggung tugas

Tahu sikap buruk jeaskan markah peperiksaan tetapi sukar kiris tabiat buat kerja pada saat akhir

Soalan
KEBANYAKAN pelajar sering menerima kerja atau tugas daripada tutor atau pensyarah bagi tujuan membantu pelajar menguasai subjek berkenaan.

Saya antara pelajar institusi pengajian tinggi yang juga tidak terkecuali dalam menerima banyak tugas daripada pensyarah sebagai markah untuk keputusan peperiksaan semester.

Malangnya, saya juga menanggung kebanyakan tugas itu. Bila hampir tiba waktu menghantar tugas, saya mula kelam-kabut menyiapkannya. Ia membuatkan

tugas itu tidak memuaskan sehingga menjejaskan markah keputusan peperiksaan.

Saya melihat bukan saya saja yang berkelakuan suka menyiapkan tugas pada saat akhir, rakan lain juga begitu. Saya tahu tindakan itu tidak baik untuk saya, tapi sukar mengubah tabiat melaksanakan tugas pada saat akhir.

Saya selalu berpesan kepada diri untuk menyiapkan tugas mengikut jadual waktu disediakan, tapi sering kali saya tidak patuh. Apa perlu saya lakukan?

SISWA SUKA BERTANGGUH,
Johor

Jawapan
SELALUNYA kerja yang disiapkan pada saat akhir memberi kesan yang tidak memuaskan dan menjejaskan markah keputusan peperiksaan.

Sering kali juga pada saat akhir sebelum menghantar tugas, beberapa perkara yang tidak diduga boleh berlaku. Contohnya, komputer tidak berfungsi. Tugas yang disimpan dalam fail komputer juga boleh tidak dijumpai.

Pelajar juga sering memberi pelbagai alasan apabila tidak menyiapkan tugas. Perkara yang sama sekali tidak difikirkan seperti kematian

Gunakan jadual untuk adik merancang secara teratur. Pengumpulan bahan yang banyak dapat membantu untuk menulis tugas dengan baik.

di pihak ahli keluarga juga antara alasan yang diberikan pelajar yang tidak menyiapkan tugas.

Apa yang lebih menyedihkan ialah apabila terdapat pelajar yang tidak mengetahui mereka

perlu menyiapkan dan menghantar sesuatu tugas. Dr harap adik tidak bertindak sedemikian.

Perancangan yang sistematis diperlukan supaya tugas tidak disiapkan pada saat akhir. Sebaik saja mendapat tugas daripada pensyarah, adik sudah boleh mengumpul bahan yang diperlukan.

Gunakan jadual untuk adik merancang secara teratur. Pengumpulan bahan yang banyak dapat membantu untuk menulis tugas dengan baik.

Jika tugas yang diberikan adalah dalam bentuk berkumpulan, perjumpaan awal dengan ahli kumpulan untuk

perbincangan tugas adalah penting. Pastikan juga setiap ahli kumpulan diberi tugas yang sama rata.

Sekiranya adik menghadapi masalah dalam menyiapkan tugas yang diberi, pensyarah antara tempat rujukan. Kesiediaan pelajar untuk berjumpa dengan pensyarah membincangkan mengenai tugas membuktikan pelajar itu serius dalam menyiapkan tugasnya.

Pensyarah menghormati pelajar yang gemar kepada ilmu. Semoga adik dapat menyiapkan tugas tanpa menunggu pada saat akhir.

Kecewa dibuang keluarga kerana zina

Soalan
DIARLAH saya perkenalkan diri sebagai Cinta. Saya mengenali teman lelaki bernama J dari laman sosial. Daripada hubungan sebagai rakan maya hinggalah ke hubungan yang lebih serius.

Kami mula bertemu dua tahun lalu dan kali kedua bertemu pada penghujung tahun yang sama.

Pertemuan pertama membawa kepada bibit-bibit cinta sehinggalah pada pertengahan tahun lalu kami bertemu di satu tempat yang mana kami sendiri rancang. Mulanya hubungan sekadar ringan-ringan dan meleret kepada berat.

Waktu itu juga saya merelakan diri dinodai. Pertama kali saya merelakan diri dinodai, semuanya atas nama cinta. Akhir tahun lalu saya didapati positif hamil.

Saya cuba memberitahu J, tapi jawapannya amat menghampakan dan menghancurkan hati saya. Tergamak dia menyuruh saya menggugurkan kandungan. Sudahlah berzina kemudian dia paksa saya membunuh. Saya enggan dan bertekad menjaga kandungan dengan baik. J sudah melarikan diri. Saya amat kecewa, tapi masih menafikan perasaan kecewa itu.

Sekarang saya sudah melahirkan bayi comel. Bila saya tatap bayi ini, besar dosa yang saya lakukan. Keluarga amat kecewa dengan sikap saya yang

terlalu menurut nafsu. Tapi ini juga bukan salah saya seorang kerana hidup saya memang ter tekan dan kurang dipedulikan keluarga.

Apakah tiada ruang untuk saya bertaubat? Apakah insan seperti saya terlalu jijik di mata masyarakat. Saya tahu kelemahan dan sedar kekurangan saya.

Dr, saya memang sudah berubah, tapi ibu dan ayah sudah membuang saya dalam kehidupan mereka. Sekarang saya merempat. Apakah kami yang melakukan dosa berzina ini tiada ruang untuk bertaubat?

Terlalu sedih rasanya hati ini. Bayi saya langsung tiada dosa dan dia adalah anugerah daripada Allah. Tidakkah kami yang terlanjur ini diberi ruang atau peluang untuk memberitahu masyarakat bahawa kami memerlukan sokongan?

CINTA,
Kelantan

Jawapan
DR empati dengan Cinta. **B**etapa sukarnya kehidupan apabila musibah hebat tidak mendapat sokongan orang yang amat disayangi seperti keluarga. Secara psikologi, setiap individu ingin mempunyai rasa dihargai, dipunyai dan disayangi.

Apabila adik tidak mendapat rasa kasih sayang, kepunyaan dan penghargaan, memang Dr faham akan kese-

dihan adik. Jika adik kosong sehingga ada kalanya seperti hanya badan saja yang wujud, jasadnya sudah hilang.

Mengenai sikap keluarga yang membuang adik, lumrahnya hati keluarga akan terluka apabila mengetahui anak yang disayangi dan dipelihara sebak-baiknya melakukan sesuatu yang dianggap memalukan.

Setiap ibu bapa mempunyai keinginan supaya anak-anak mereka menjadi manusia yang soleh, taat dan berjaya di dunia mahupun akhirat. Sememangnya setiap ibu bapa pasti menginginkan hanya yang terbaik terhadap anaknya.

Justeru, apabila adik 'tersilap' dalam langkah kehidupan, secara psikologi dan realiti, keluarga berasa rasa kasih sayang dan penghargaan yang mereka berikan sudah dikhianati. Kepercayaan semakin hilang dan pupus hingga timbul satu perasaan untuk tidak mengambil berat terhadap adik. Secara psikologinya, perasaan mereka adalah lumrah.

Hati keluarga yang terluka boleh diubah melalui faktor masa dan perubahan tingkah laku adik. Ruang masa perlu diberikan kepada keluarga untuk mereka bersedia menerima adik kembali. Selain itu, ia perlu dilirngi dengan perubahan diri yang bersungguh-sungguh membuktikan

Setiap ibu bapa mempunyai keinginan supaya anak-anak mereka menjadi manusia yang soleh, taat dan berjaya di dunia mahupun akhirat. Sememangnya setiap ibu bapa pasti menginginkan hanya yang terbaik terhadap anaknya.

adik tidak lagi terbabat dengan perlakuan zina.

Buangkan sikap putus asa untuk menghubungi mereka dengan rasa rendah diri dan penyesalan. Selalunya, perbuatan baik yang berulang-ulang kali akan menjadi lazim sehingga boleh menjadi peneguhan positif. Ini bermaksud jika adik melakukan perkara baik kepada keluarga berulang kali, insya-Allah Dr doakan keluarga akhirnya akan dapat menerima adik kembali.

Hidup Cinta penuh dengan dugaan dan ujian. Sesungguhnya apa saja yang ditakdirkan menimpa Cinta mempunyai tujuan atau hikmahnya yang tertentu.

Hikmah itu kadangkala manusia sedari selepas sesuatu

ujian yang menimpa atau langsung.

Allah s.w.t berfirman yang bermaksud: "Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun". (Surah al-Mulk 67 : 2)

Dalam menjalani ujian atau musibah yang melanda diri, manusia sentiasa dilibatkan supaya sentiasa bersabar dan menerimanya dengan hati yang terbuka serta penuh reda. Inilah panduan yang cukup berharga untuk diri kita agar dapat mengatasi setiap dugaan dengan penuh ketakwaan dan kebijaksanaan. Dalam kitab Jami al-Tirmizi disebutkan, Rasulullah s.a.w bersabda: "Apabila Allah mencintai sesuatu kaum, maka Dia menguji mereka. Sesiapa yang reda, ia akan mendapat keridaan Allah dan sesiapa yang marah, ia akan mendapat kemurkaan Allah". (<http://www.lkim.gov.my>).

Persoalan sama ada apakah tiada ruang untuk adik bertaubat dan apakah insan seperti adik terlalu jijik di mata masyarakat boleh dijawab seperti berikut.

Sebagai manusia, kita suka lupa atau salah. Namun manusia yang baik itu bukan yang tidak pernah melakukan kesalahan, tapi orang yang baik itu mereka yang segera

sedar dan Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri.

Taubat adalah kembali kepada Allah SWT selepas melakukan maksiat. Taubat adalah rahmat Allah yang diberikan kepada hamba-Nya agar mereka dapat kembali kepada-Nya. Agama Islam tidak memandang manusia bagaikan malaikat tanpa kesalahan dan dosa sebagaimana Islam tidak membiarkan manusia berputus asa daripada ampunan Allah betapa pun dosa yang diperbuat manusia.

Bahkan Nabi Muhammad s.a.w membenarkan hal ini dalam sebuah sabdanya yang berbunyi: "Setiap anak Adam pernah berbuat kesalahan/dosa dan sebaik-baik orang yang berbuat dosa adalah mereka yang bertaubat (daripada kesalahan tersebut)."

Begitu juga, seperti terungkap dalam hadis riwayat Imam Muslim daripada Abu Musa Al-Asy'ari: "Sesungguhnya Allah membentangkan tangan-Nya di siang hari untuk menerima taubat orang yang berbuat kesalahan pada malam hari sampai matahari terbit dari barat."

Adik juga perlu mencari sokongan pihak yang dapat membimbing ketika ini. Jika adik ikhlas untuk berubah, pasti akan ada sinar kebahagiaan dalam hidup.